



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

ISNIN
29 SEPTEMBER 2025



Sistem perlindungan sosial Malaysia penuh piawaian global

● Sistem perlindungan sosial Malaysia dibina atas tiga tonggak utama iaitu bantuan sosial, insurans sosial melalui caruman wajib pekerja dan intervensi pasaran buruh

● Malaysia membangunkan pelbagai program mengikut keperluan khusus setiap peringkat kehidupan rakyat



Oleh Prof Madya Dr Mohd Na'eim Ajis
bhrencana@bh.com.my

Apabila Malaysia menjadi tuan rumah Forum Keselamatan Sosial Sedunia (WSSF) 2025 di Kuala Lumpur bermula hari ini hingga 3 Oktober ini, ia bukan sekadar menyambut lebih 1,500 peserta dari 130 negara.

Malaysia akan memperlihatkan kepada dunia bagaimana sebuah negara berpendapatan pertengahan mampu merangka dan melaksanakan sistem perlindungan sosial setanding amalan terbaik antarabangsa.

Acara dianjurkan setiap tiga tahun oleh Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) itu disifatkan platform paling berprestij untuk dialog mengenai perlindungan sosial.

Menteri, pengubal dasar dan pakar dari seluruh dunia berkumpul membincangkan bagaimana masyarakat boleh berdepan isu penuaan demografi, gangguan teknologi, risiko perubahan iklim dan pasaran buruh semakin dinamik.

Forum ini berakar daripada kejayaan WSSF 2022 di Maghribi pada Oktober 2022 yang mana Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, dipilih sebagai Presiden ISSA bagi penggal 2023-2025.

Ia mencipta sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama menduduki jawatan berprestij ini dan pada masa sama, Malaysia diumumkan sebagai tuan rumah WSSF 2025.

Bagi Malaysia, peluang ini pantas membuktikan institusi nasional seperti PERKESO, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) serta Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) selaku sekretariat Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) bukan sahaja bergerak seiring dengan dunia, malah mampu menjadi contoh kepada negara lain.

Sistem perlindungan sosial Malaysia dibina atas tiga tonggak utama saling berkaitan. Pertama, bantuan sosial dibiayai kerajaan menyediakan bantuan kewangan dan sokongan barang asas kepada keluarga miskin dan rentan.

Kedua, insurans sosial melalui caruman wajib pekerja dan majikan melindungi daripada risiko kehilangan pekerjaan, kemalangan, penyakit, kecacatan serta usia tua.

Ketiga, intervensi pasaran buruh membantu rakyat beralih daripada perlindungan kepada produktiviti melalui padanan pekerjaan, latihan semula dan subsidi upah.

Reka bentuk ini sejajar piawaian digariskan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), serta menepati Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 1.3 yang menuntut sistem perlindungan sosial kebangsaan untuk semua.

Keunikan model Malaysia ialah semua komponen ini dihubungkan secara terancang melalui MySPC. Malaysia membangunkan pelbagai program mengikut keperluan khusus setiap peringkat kehidupan rakyat.

Rakyat dapat manfaat

Kanak-kanak dan keluarga menerima bantuan kewangan bersasar, bantuan makanan serta sokongan pendidikan supaya kemiskinan tidak menafikan peluang kesihatan dan pembelajaran generasi seterusnya.

Golongan belia dan graduan disokong dengan khidmat penempatan kerja, insentif latihan dan subsidi upah bagi mengubungkan pendidikan dengan peluang pekerjaan sebenar.

Dasar pasaran buruh aktif ini terbukti berkesan secara global dalam mengurangkan pengangguran dan ketidakpadanan kemahiran.

Pekerja tidak formal dan bekerja sendiri seperti pemandu e-hailing atau petani kecil kini boleh mencarum dalam Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SE Scheme) di bawah PERKESO.

Skim sukarela seperti i-Saraan KWSP mem-

bolehkan simpanan persaraan fleksibel, selaras dengan skim 'mikro-pencen' antarabangsa.

Pekerja menganggur mendapat manfaat daripada Sistem Insurans Pekerjaan (EIS) yang bukan sahaja memberi sokongan pendapatan sementara, malah menawarkan kaunseling peribadi dan latihan semula, selari dengan sistem perlindungan pengangguran moden.

Golongan kurang upaya dan mangsa kemalangan pekerjaan dibantu melalui program Kembali Bekerja (RTW) PERKESO yang menggabungkan pemulihan, kaunseling serta pembabit majikan, bertepatan dengan garis panduan ISSA mengutamakan pemulihan berbanding pampasan pasif.

Warga emas dilindungi dana persaraan caruman seperti KWSP, KWAP dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), dilengkapi inisiatif celik kewangan serta perancangan penjagaan jangka panjang mengikut trend global ke arah sistem persaraan mapan dan mesra usia.

Kekuatan Malaysia bukan sekadar pada reka bentuk program, tetapi pada aspek penyampaian. Platform Data Perlindungan Sosial (PDPS) sedang dibangunkan bakal mengintegrasikan maklumat merentasi kementerian dan agensi, memastikan bantuan sampai kepada isi rumah yang layak, mengelakkan pertindihan dan memaksimumkan penggunaan sumber.

Digitalisasi menjadi teras utama. Daripada tuntutan dalam talian hingga caruman mudah alih, Malaysia sedang bergerak ke arah penyampaian perkhidmatan mesra pelanggan berasaskan teknologi.

Penggunaan kecerdasan buatan (AI) turut diuji untuk meningkatkan pengesanan penipuan, mempercepatkan pemrosesan dan menambah baik pengalaman pengguna, iaitu amalan sudah dipelopori sistem keselamatan sosial negara maju.

Dengan menanda aras terhadap Garis Panduan ISSA mengenai Tadbir Urus Baik, Kualiti Perkhidmatan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) serta Pelaburan Dana Keselamatan Sosial, Malaysia menghantar mesej jelas ia berhasrat beroperasi pada standard setara dengan mana-mana sistem maju.

Menjadi tuan rumah WSSF 2025 memberi Malaysia peluang untuk berkongsi pengalaman dengan dunia. Pelan tindakan lima tonggak MySPC iaitu merasionalisasi program, memperkukuh penyampaian, memperjelas liputan, memperkasakan penerima manfaat dan mempertingkatkan tabir urus data ternyata menjadi model bagaimana beralih daripada intervensi berasingan kepada sistem bersepadu.

Pada masa sama, Malaysia juga terbuka untuk belajar daripada negara lain mengenai isu sejangkit seperti kebolehgunaan manfaat rentas sempadan untuk pekerja asing, pembiayaan mampan penjagaan jangka panjang dan penggunaan etika AI dalam keselamatan sosial.

Berpotensi sebagai hab serantau, Malaysia boleh mengukuhkan kerjasama, khususnya dalam ASEAN, sambil menanda aras kepada amalan terbaik dari Eropah, Amerika Selatan dan rantau lain.

